



# **KARNIVAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI SEKTOR PERTANIAN 2017**

**13 OGOS 2017**

**UCAPAN PERASMIAN OLEH:  
YB DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB  
TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA  
MERANGKAP  
PENGERUSI MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN  
DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

Disediakan oleh:

Sekretariat Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

## **Rujuk Senarai Protokol**

Assalamualaikum wbt, Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya ingin meluahkan rasa gembira kerana pada hari ini, saya dapat hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan semua di Majlis Perasmian Karnival Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Pertanian 2017. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya pada hari ini

2. Di kesempatan ini ingin saya rakamkan ucapan tahniah kepada Pengerusi dan semua Ahli Jawatankuasa Kerja yang terlibat, di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan bagi menjayakan penganjuran majlis ini. Tidak ketinggalan juga, penghargaan diberikan kepada pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) dan Kolej Vokasional Pertanian

Chenor, Pahang di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam memastikan penganjuran majlis ini menjadi satu kejayaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
*(Latarbelakang Program)*

3. Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah satu acara tahunan yang disambut setiap tahun susulan daripada kelulusan dan arahan Kabinet pada 24 Mei 2006. Pelbagai program dan aktiviti dirancang dan dijalankan bagi menjayakan sambutan minggu KKP. Sambutan ini bertujuan bagi menghebahkan maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan serta mempromosi pembentukan dan pemeliharaan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan majikan, pekerja dan orang awam. Pada tahun ini, Minggu KKP ini telah disambut pada 16 hingga 22 Julai di seluruh Negara dan kemuncaknya penganjuran Karnival KKP di Sektor Pertanian pada hari ini.

4. Pada tahun ini, isu-isu terkini berkaitan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) telah dipilih sebagai tema kempen Minggu KKP. Tema ini dipilih kerana pada masa kini terdapat pelbagai isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang mendapat liputan meluas daripada orang ramai. Maka, pemilihan Karnival KKP di Sektor Pertanian pada hari ini adalah bertepatan kerana isu KKP di sektor pertanian harus diberi perhatian sewajarnya.

5. Selain itu, pemilihan Kolej Vokasional Pertanian Chenor ini sebagai lokasi karnival adalah bertujuan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar khususnya mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Seperti mana yang kita maklum, para pelajar adalah bakal pekerja yang akan mengharungi alam pekerjaan tidak lama lagi dan pendedahan aktiviti dan program berkaitan KKP ini amatlah penting dalam memupuk dan menerapkan budaya bekerja dengan selamat dan sihat. Ibarat kata pepatah "*melentur buluh biarlah dari rebungnya*". Ini selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam Program Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang menyasarkan

untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
(*OSHMP 2020*)

6. Pihak Kerajaan terus komited dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih meluas bagi meletakkan Malaysia di jajaran yang kukuh di masa hadapan. Saya sedar, sebagai negara yang sedang berkembang pesat pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan lagi infrastruktur di dalam negara di antaranya projek menaiktaraf kemudahan pasarana pengangkutan awam seperti *East Coast Rail Line*, pembinaan lebuh raya *Pan-Borneo*, penambahan kawasan perindustrian dan pelbagai lagi usaha dirancang untuk kesejahteraan rakyat dan seterusnya menarik minat pelabur asing ke negara kita. Selain itu, Kerajaan juga komited dengan memberikan penumpuan dan penekanan terhadap isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada mereka yang bekerja agar mereka dilindungi daripada risiko-risiko keselamatan

dan kesihatan pekerjaan yang mungkin timbul akibat daripada aktiviti pekerjaan yang mereka jalankan.

7. Di dalam usaha kerajaan menangani isu-isu berkaitan KKP ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), telah melancarkan Pelan Induk KKP 2016-2020 atau lebih dikenali sebagai OSHMP2020 pada Perhimpunan Hari Pekerja pada 1 Mei 2016 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Pelan induk ini dilaksanakan bagi membangun dan mengekalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja. Saya secara keseluruhannya menyokong penuh hasrat murni ini dan berharap ianya dapat dicapai menjelang tahun 2020 kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
*(Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Pertanian)*

8. Sektor pertanian memainkan peranan penting yang memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi

Negara. Sebagai sektor yang diberikan fokus oleh pihak Kerajaan untuk menjadi dinamik dan moden, sudah pasti banyak perubahan, penstrukturan dan penambahbaikan tenaga kerja dan prosidur kerja dilakukan. Hakikatnya, sektor pertanian selalu terdedah kepada kemalangan di tempat kerja dan merupakan antara penyumbang utama kepada jumlah kes kemalangan di tempat kerja walaupun kemalangan di sektor ini kurang mendapat liputan berbanding di sektor pembinaan dan sektor utama yang lain .

9. Dari perspektif perundangan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, sektor pertanian merupakan salah satu sektor pekerjaan yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta di mana tujuan akta ini adalah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang – orang yang sedang bekerja dan melindungi orang lain selain daripada pekerja daripada risiko aktiviti pekerjaan yang dijalankan. Sehubungan dengan itu, setiap majikan dan pekerja perlu mempunyai tanggungjawab dilaksanakan bagi mencapai tujuan Akta tersebut selain memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat.

10. Berdasarkan statistik Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), terdapat pengurangan pelaporan kemalangan di sektor pertanian iaitu pada tahun **2016** sebanyak **2,359 kes** berbanding **2,454 kes** pada tahun **2015**. Jumlah ini memberikan gambaran bahawa para majikan dan pekerja di sektor pertanian semakin peka dan cakna terhadap isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Saya berharap jumlah ini dapat dikurangkan bukan sahaja di sektor pertanian tetapi di semua sektor pekerjaan di Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
*(Pencapaian KKP)*

11. Untuk makluman pihak kerajaan melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sentiasa menjalankan penguatkuasaan bagi memastikan semua tempat kerja berada di dalam keadaan selamat. Pada tahun 2016 sahaja, pihak JKKP telah menjalankan lebih kurang **276,312 pemeriksaan** ke atas tempat kerja dan jentera. Berdasarkan jumlah pemeriksaan tersebut,

sebanyak **24,631 notis** telah dikeluarkan, **1,176 kesalahan** dikenakan kompaun dan sebanyak **406 kes** pendakwaan di mahkamah telah diambil atas kesalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan amat komited dalam memastikan setiap kehendak perundangan yang telah ditetapkan adalah dipatuhi sepenuhnya oleh setiap pihak yang terlibat.

12. Aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) tidak boleh dipertikaikan lagi keperluannya dalam pelaksanaan setiap aktiviti pekerjaan oleh para majikan daripada pelbagai sektor di Negara ini. Persekitaran tempat kerja yang kondusif perlulah disediakan agar pekerja dapat menjalankan tugas dengan selesa, selamat dan sihat selain menjamin keselamatan orang awam yang berada berhampiran dengan tempat kerja berkenaan.

13. Objektif utama Pelan Induk bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020 (OSH MP 2020) adalah mengurangkan kadar kemalangan negara di tempat kerja. Dengan komitmen yang sepenuhnya serta usaha yang

digembleng di antara pihak kerajaan, majikan dan pekerja, barulah pelan induk ini akan mencapai objektifnya. Untuk makluman para hadirin sekalian, kadar kemalangan negara bagi tahun 2016 adalah **2.88 per 1,000 pekerja**. Manakala kadar kemalangan maut ialah **4.84 per 100,000** pekerja. Syabas dan tahniah diucapkan di atas komitmen, serta kerjasama yang diberikan dikalangan majikan dan pekerja.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
(*Saranan*)

14. Amalan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja perlu diterapkan dan diamalkan oleh semua pihak sama ada majikan mahupun pekerja bagi memastikan dan mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan dari berterusan berlaku di negara kita. Saya amat berharap kadar kemalangan pekerjaan Negara akan terus menurun pada masa hadapan dan seterusnya dapat memberi impak positif kepada Negara bahawa bekerja di Malaysia adalah selamat dan sihat. Ini sekaligus dapat meyakinkan

pelabur - pelabur dari luar untuk terus membuat pelaburan perniagaan di Negara kita.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan bagi menjayakan penganjuran **Karnival Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Sektor Pertanian 2017** pada tahun ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada semua peserta yang hadir di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan majlis ini.

16. Saya juga amat percaya dengan kombinasi di antara majikan yang prihatin, pekerja yang berkualiti dan produktiviti, sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang efektif serta keadaan persekitaran kerja yang kondusif, maka pastinya produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah organisasi akan mencapai tahap dan standard yang dikehendaki.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim, saya dengan ini merasmikan **Karnival Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Pertanian Tahun 2017.**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, Wassalamualaikum w.b.t.